*Majlis Perasmian*

# Program Kesedaran AUTISME 2015 Peringkat UniMAP

*"You are a gift to the world"*

28 April 2015 | Auditorium, Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra



# Daulat Tuanku



## Sembah Junjungan Kasih Atas Keberangkatan

**DYTM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL**

RAJA MUDA PERLIS / CANCELOR UniMAP

&

**DYTM TUANKU HAJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH KHALIL**

RAJA PUAN MUDA PERLIS / PRO CANCELOR UniMAP

# A-HEART

Autism - *Hub for Educational Resources and Training* atau singkatannya A-HEART dilancarkan pada 21 September 2014 oleh DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis dan juga Canselor UniMAP pada majlis perasmian *Autism Charity Walk* di Pusat Sukan Syed Areeb Putra. A-HEART dibangunkan khusus untuk meningkatkan perkembangan anak-anak istimewa melalui penyediaan latihan, pengajaran-pembelajaran berkesan, pembangunan teknologi dan sumber pendidikan serta pelaksanaan program kesukarelawan. Struktur pelaksanaan A-HEART terdiri daripada empat (4) komponen iaitu Latihan & Pembangunan, Kesukarelawan, Pembangunan Sumber dan Penyelidikan.

**MAJLIS PERASMIAN**
**PROGRAM KESEDARAN AUTISME 2015**
**PERINGKAT UniMAP**

**28 APRIL 2015**

**PERPUSTAKAAN TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA**
**KAMPUS PAUH PUTRA**

| | |
|---|---|
| 02:30 petang | : Ketibaan Tetamu Jemputan |
| 02:45 petang | : Ketibaan YBhg. Datuk Naib Canselor UniMAP & Isteri |
| 03:00 petang | : Keberangkatan Tiba DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis, Pro Canselor UniMAP |
| 03:30 petang | : Lawatan ke tapak Pameran |
| | Nyanyian Lagu WAWASANKU |
| | Tayangan Multimedia: *You Are a Gift to The World* |
| | Ucapan Aluan YBhg Datin Noridah Yangman, Penasihat A-HEART |
| | Gimmik Perasmian Program Kesedaran Autisme UniMAP 2015 |
| 05:00 petang | : Persembahan oleh Anak-Anak Istimewa |
| | Penyampaian Sijil Penghargaan Kepada Penaja |
| | Persembahan Cenderamata Perasmian |
| | Bacaan Doa |
| | Jamuan Petang |
| 05:30 petang | : Keberangkatan Balik DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis |
| | Majlis Bersurai |

PAKAIAN: Lelaki – Lounge Suit Bersongkok
Wanita - Sopan

# AKTIVITI PROGRAM A-HEART SEPANJANG TAHUN

MegaMode

## UniMap tubuh *A-Heart*



TUANKU Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil ketika merasmikan Hub sumber *A-Heart*, baru-baru ini.

### Khusus untuk pesakit Autisme

SETIAP anak yang dilahirkan di dunia ini fitrahnya ibarat kain putih, suci, dan bersih dari segala noda namun dilengkapi jasad, roh, dan akal bagi meneroka kehidupan.

Namun ada juga manusia yang dilahirkan serba kekurangan dari segi fizikal, sikap, dan perasaan.

Kanak-kanak autistik misalnya, mengalami masalah perkembangan dalam komunikasi dan kemahiran sosial. Mereka sering menunjukkan ciri-ciri ketidaknormalan dalam komunikasi, tingkah laku, interaksi sosial, dan tidak bertindak balas terhadap rangsangan.

Autisme merujuk juga kepada ketidakupayaan seseorang kanak-kanak memahami perkara-perkara di sekelilingnya selain daripada dirinya sendiri. Atas alasan itu, mereka sangat memerlukan sokongan dan bimbingan terutama daripada insan-insan yang terdekat.

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) baru-baru ini mengambil langkah proaktif dalam menjayakan misi tanggungjawab sosial universiti (USR) melalui penubuhan Hub Sumber Pendidikan dan Latihan Autism (*A-Heart : Autism Hub For Educational Resources And Training*).

Naib Canselornya, **Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin** berkata, penubuhan hub tersebut yang berpusat di Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (PTSFP) UniMAP diharap mampu menyediakan kemudahan pendidikan dan kemahiran yang terbaik khususnya di Wilayah Utara.

Ujar beliau, golongan istimewa dari kategori autisme ini bukan sahaja memerlukan pendidikan ilmiah dan akademik sebaliknya pendidikan yang mengajar mereka kemahiran untuk berkomunikasi dan bersosial dengan masyarakat.

Apa yang masyarakat perlu miliki jelas beliau, ialah tahap kesedaran yang tinggi terhadap autisme, memahami apakah keperluan yang berkaitan yang perlu dikuasai oleh individu autisme, serta mengetahui apa yang boleh mereka lakukan untuk memperbaiki kehidupan dan meningkatkan potensi individu yang memiliki ciri-ciri autisme.

Pemahaman yang tepat akan mendorong penerimaan dengan hati terbuka dan menghalang sikap diskriminasi, stigma, dan penyisihan dalam masyarakat.

Golongan istimewa dari kategori autisme ini, jelas Kamarudin bukan sahaja memerlukan pendidikan akademik, tetapi juga pendidikan yang mengajar mereka kemahiran untuk berkomunikasi dan bersosial dengan cara yang sepatutnya.

Sebagai aktiviti awal, Kamarudin berkata, UniMAP menganjurkan *Autism Charity Walk* 2014 yang berjalan serentak dengan Larian Utara 2014 di Kompleks Sukan Syed Sirajuddin Areeb Putra, baru-baru ini.

*Autism Charity Walk* merupakan sebahagian daripada usaha UniMAP untuk membudayakan kesedaran dan tanggunjawab masyarakat terhadap pesakit Autisme.

Majlis tersebut juga bertujuan mengumpulkan dana bagi pesakit Autisme dan dianjurkan oleh Sekretariat Festival Konvokesyen UniMAP Ke-9 (FESTKON9).

Lebih 5,000 peserta mengambil bahagian dalam kedua-dua acara tersebut yang mana ia turut diserikan dengan keberangkatan Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil yang juga Penaung Diraja *A-Heart*.

Perasmian Program A-HEART



UniMAP tubuh 'A-HEART' untuk pesakit autistik







Autism Charity Walk

# AKTIVITI PROGRAM A-HEART SEPANJANG TAHUN




Perbincangan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Program Pembangunan




Taklimat daripada Yayasan FAQEH






Kelas Mengaji Al-Quran untuk Anak-Anak Istimewa (KEMANIS)

# PENGHARGAAN

Jawatankuasa penganjur Majlis Perasmian Program Kesedaran AUTISME 2015 Peringkat UniMAP ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada individu & organisasi atas sumbangan dan kerjasama mereka dalam menjayakan pameran ini.

**Pejabat DYMM Tuanku Raja Perlis**
**Naib Canselor UniMAP sebagai Penaung**
**YBhg Datin Noridah Yangman (Penasihat A-HEART )**
**Yayasan Tuanku Syed Faizuddin Putra**
**Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis**
**Program Dalam Komuniti Seluruh Negeri Perlis**
**PISKANITA**
**Pejabat Naib Canselor**
**Jabatan Hal Ehwal Pelajar**
**Sukarelawan A-HEART**

LOVE READING
BOOK CENTRE

FARANA BOOKS RESOURCES
DISTRIBUTOR & LIBRARY BOOKS SUPPLIER

dan semua individu & organisasi yang telah menyumbang ke arah kejayaan Majlis Perasmian Program Kesedaran AUTISME 2015 Peringkat UniMAP yang namanya tidak tertera di sini.

## Program Dalam Komuniti (PDK) Seluruh Negeri Perlis

**PDK Kangar,**
Kangar Perlis

**PDK Felda Chuping,**
Chuping Perlis

**PDK Residensi,**
Kangar Perlis

**PDK Felda Mata Air,**
Pdg Besar (U) Perlis

**PDK Sanglang,**
Sanglang Perlis

**PDK Beseri,**
Beseri Perlis

**PDK Seri Kayangan,**
Arau Perlis

**PDK Indera Kasih,**
Arau Perlis